

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 02 Julai 2021 10:08
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tuanku Sultan Kedah Berkenan Terima Menghadap Naib Canselor Secara Maya



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

2 JULAI 2021 / 22 ZULKAEDAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

TUANKU SULTAN KEDAH BERKENAN TERIMA MENGHADAP NAIB CANSELOR SECARA MAYA



UUM ONLINE: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Tuanku Sultan Kedah Darulaman, Tuanku Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) telah berkenan menerima menghadap Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani yang julung kali diadakan secara maya, semalam.

Pada majlis menghadap itu, Naib Canselor menyebarkan maklum tentang perkembangan universiti antaranya pelantikan semula Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah sebagai Pro-Canselor UUM selama tiga tahun.

Selain itu juga, beliau menyebarkan maklum tentang perkembangan semasa situasi Covid-19 di UUM yang mendapat perhatian berat daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Melalui sesi ini, Baginda turut diberi penjelasan tentang keadaan pelajar yang berada di dalam kampus sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang dilaksanakan selama 14 hari di UUM mulai 13 Jun lalu.

Baginda turut berpuas hati dengan kebajikan para pelajar yang mendapat perhatian daripada banyak pihak untuk membantu meringankan beban mereka semasa PKPD dilaksanakan, di samping proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar yang masih dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Selain itu, Baginda juga amat berpuas hati dengan langkah pencegahan dan kawalan yang diambil oleh UUM bagi memastikan tiada penularan Covid-19 berlaku di dalam kampus, malah warga UUM telah berjaya mengharungi PKPD dengan tenang dan sabar.

Pada sesi menghadap ni juga, Naib Canselor turut menyebarkan maklum tentang peranan UUM dalam memberikan sokongan dan bantuan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi peminjaman kenderaan universiti untuk membawa pesakit kes Covid-19 ke PKRC dan juga penggunaan dewan di Taman Siswa, Jitra bagi Program Vaksinasi Penduduk 'Buffer Zone' Bersebelahan Kawasan PKPD Taman Mahsuri.

Turut dimaklumkan adalah penghasilan 13,000 meter pakaian perlindungan diri (PPE) dan lebih 2,000 cecair basmi kuman (hand sanitizer), pelitup separuh muka (face mask) serta pelindung muka (face shield) yang diserahkan kepada barisan hadapan di hospital-hospital terlibat di kawasan utara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku turut disebarkan maklum akan perkembangan vaksinasi kepada warga Universiti di samping pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di UUM yang dijangka akan mula beroperasi sebaik mendapat kebenaran Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 atau Covid-19 Immunisation Task Force (CITF).

Dalam masa yang sama, Naib Canselor turut memaklumkan cadangan untuk mengadakan Majlis Konvokesyen UUM Ke-34 Tahun 2021 yang dijadualkan akan berlangsung pada Mac 2022 tertakluk kepada keadaan semasa pandemik dan arahan dari Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Tuanku Sultan Kedah telah menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian UUM dalam ranking dunia yang menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Baginda berharap UUM akan terus berusaha mempertingkatkan lagi pencapaian berkenaan, sekali gus mengharumkan nama negeri Kedah.

Seterusnya, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir menyebarkan maklum tentang perbincangan bersama Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Charles Hay berkaitan cadangan mengadakan kerjasama antara kedua pihak terutamanya dalam agenda memperkasa Bahasa Inggeris.

Inisiatif berkenaan telah mendapat pujian daripada Baginda yang berharap dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris bukan sahaja dalam kalangan staf dan pelajar malah terhadap rakyat di negeri ini juga kerana ia dilihat mampu membantu dalam perkembangan ekonomi negeri Kedah bagi menarik lebih banyak pelabur asing.

Di akhir sesi menghadap, Naib Canselor turut menyembah maklum tentang perkembangan STEM di UUM dan juga pembinaan bangunan kelab golf baharu yang akan melengkapkan prasarana padang golf 18 lubang di kampus UUM Sintok.

Dalam hal ini, Tuanku Canselor bertitah agar UUM mengekalkan kelestarian kampus dengan membina kelab golf yang '*eco-friendly*' atau mesra alam demi memperkasakan peranan Akademi Golf Nasional UUM dan menaikkan imej akademi itu sebagai satu-satunya akademi yang ada dalam negara dan diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan golf negara.

Baginda juga berharap agar UUM dapat menganjurkan pertandingan golf peringkat antarabangsa yang bukan sahaja dapat mempromosikan '*edutourism*' malah secara tidak langsung meningkatkan ekonomi negeri Kedah.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.